

D617

U B128 AAB
MAHATHIR - DAFTAR

KULIM, 14 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA BELIAU PERCAYA PEMINDAHAN NAMA PENGUNDI DARIPADA SENARAI DAFTAR PEMILIH DI SESUATU KAWASAN KE KAWASAN LAIN TELAH DIATUR OLEH PIHAK-PIHAK TERTENTU.

+PENYELEWENGAN INI TELAH DIATUR DAN SAYA PERCAYA IA DILAKUKAN SEJAK DAHULU LAGI+, KATA PERDANA MENTERI KEPADA PEMBERITA SELEPAS UPACARA MEMECAH TANAH TAPAK HOSPITAL DAERAH KULIM.

SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA PERKARA ITU TIDAK AKAN MENJEJASKAN PERSEDIAAN PILIHAN RAYA, BELIAU BERKATA TERDAPAT SESETENGAH KES YANG PENGUNDI TELAH MENINGGAL DUNIA SEDANGKAN APABILA DISEMAK NAMA PENGUNDI BERKENAAN TELAH DIPINDAHKAN KE KAWASAN LAIN.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA, DAHULU PARTI ITU TIDAK MENJALANKAN SEMAKAN NAMA PENGUNDI KERANA TIDAK MENERIMA ADUAN, TETAPI KINI IA PERLU DILAKSANAKAN KERANA ADA BANYAK ADUAN.

TERDAPAT ANGGOTA PARTI YANG NAMA MEREKA TIDAK ADA DALAM SENARAI DAFTAR PEMILIH DI KAWASAN MEREKA, KATANYA, SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA UMNO MEMANDANGKAN BERAT PENYELEWENGAN ITU. -- BERNAMA
1319MST 14 07 90